

Ku Li layak, Napsiah terkeluar

BH 15 APR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tengku Razaleigh Hamzah kini melepasi syarat bertanding jawatan Naib Presiden Umno apabila mendapat satu lagi pencalonan dari bahagian Gua Musang hari ini.

Pencalonan ke-17 itu diptuskan sebulat suara pada mesyuarat Jawatankuasa Umno bahagian Gua Musang yang turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Osu Sukam bagi jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan itu yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan, sehingga kini belum membuat keputusan untuk bertanding bagi merencanakan lagi saingan merebut jawatan itu bersama sembilan calon lain.

Mesyuarat itu juga mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden. Umno bahagian Bandar Tun Razak di sini yang terakhir mengadakan mesyuarat perwakilan malam ini, turut mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah bagi kedua-dua jawatan itu.

Dengan pencalonan terbaru itu, Perdana Menteri kini memperoleh 164 pencalonan manakala Abdullah 163.

Mesyuarat bahagian Bandar Tun Razak malam ini diadakan semula di bawah pengendalian Badan Perhubungan Umno Wilayah apabila mesyuarat pertama pada 26 Mac lalu ditangguhkan berikutan kekecohan membatikan penghormatan enam cawangannya.

Bahagian itu mencalonkan Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan

LIHAT MUKA 5, RUANG 3

Napsiah minta parti buat penelitian

DARI MUKA 1

BH

15 APR 2000

Tan Sri Mohd Isa Samad bagi jawatan naib presiden.

Di KOTA BAHRU, Tengku Razaleigh yang ditemui pemberita selepas mesyuarat bahagian Gua Musang, berkata beliau akan membuat pengumuman sama ada bertanding Naib Presiden selepas mendapat surat tawaran bertanding daripada ibu pejabat Umno.

Katanya, beliau mengizinkan namanya dicalonkan bertanding jawatan itu selepas jawatankuasa bahagian berkenaan serta Umno bahagian lain mahukannya memainkan peranan pada peringkat kepeimpinan Umno pusat.

"Saya sebenarnya sudah bercakap kepada jawatankuasa bahagian, elok saya tidak dicalonkan untuk sebarang jawatan. Nampaknya dia orang berkeras supaya saya dicalonkan juga untuk jawatan Naib Presiden.

"Apatah lagi, apabila satu bahagian saja yang perlu menggenapkan jumlah kelayakan saya untuk bertanding bagi jawatan itu. Saya tidak mempunyai keupayaan untuk menahan hasrat jawatankuasa bahagian saya sendiri, tetapi mereka juga bersetuju supaya keputusan terakhir dilakukan oleh saya," katanya.

Mesyuarat perwakilan bahagian itu diadakan pada 31 Mac lalu tetapi tidak membuat pencalonan bagi semua jawatan, sebaliknya menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian menentukannya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed, ketika ditemui selepas mesyuarat bahagian Bandar Tun

Razak pula berkata, mesyuarat itu berlangsung mengikut peraturan yang ditentukan Majlis Tertinggi (MT).

Sementara itu, penyandang jawatan Naib Ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar, gagal mempertahankan jawatannya apabila ibu pejabat pergerakan itu mengesahkan beliau cuma memperoleh 24 pencalonan - kurang satu bagi melepasi syarat kelayakan.

Bagaimanapun, Ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dalam sidang akhbar berkata, keputusan mengenai penyerahan Napsiah akan diputuskan selepas pihaknya menjalankan siasatan lanjut berhubung pencalonannya.

Ini berikutan dakwaan Napsiah bahawa Wanita bahagian Kulim-Bandar Baru mencalonkannya, tetapi senarai pencalonan sebaliknya menamakan Datuk Sharizat Abdul Jalil untuk bertanding naib ketua.

Napsiah yang ditemui berkata, beliau tidak faham bagaimana perkara itu boleh berlaku kerana perwakilan bahagian berkenaan sendiri menelefonnya dan memaklumkan bahawa beliau dicalonkan untuk jawatan itu.

Napsiah berkata, sebelum ini kekeliruan juga berlaku bagi pencalonannya di bahagian Padang Serai apabila ibu pejabat Umno menerima nama Ainon Khairiyah Mohd Abbas sebagai calon dari bahagian itu, tetapi bahagian itu sebenarnya mencalonkannya.

Justeru, beliau meminta pihak tertinggi parti membuat penilaian teliti berhubung pencalonannya.